

CNS6059

U GB 23-09 00264 BA447

aab

MALAYSIA BIMBANG DENGAN KRISIS KEWANGAN EROPAH SEKARANG

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

DUBLIN, 23 Sept (Bernama) -- Malaysia mula bimbang dengan krisis kewangan yang melanda Eropah sekarang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Beliau berkata Malaysia sedang memerhati perkembangan itu dengan penuh minat kerana ia bukan sahaja melibatkan Kesatuan Eropah (EC) tetapi secara tidak langsung negara-negara lain juga, terutamanya yang berniaga dengan EC.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan seorang wartawan Ireland pada persidangan akhbar bersama rakan sejawatannya, Encik Albert Reynolds di sini pada hari Selasa.

Beliau telah ditanya secara terus terang, sebagai seorang pemimpin sebuah negara yang mempunyai kadar pertumbuhan yang menggalakkan dan datang dari sebuah rantau yang dinamik di Asia Tenggara, adakah beliau berasa +hairan, terkejut atau tidak kisah+ terhadap perkembangan yang berlaku pada minggu lepas itu.

Perdana Menteri menjawab; +Saya mengaku pada mulanya saya berasa hairan. Tetapi selepas itu, kami mula rasa bimbang. Kami pun tidak terlepas daripada merasa kesannya, kecuali keadaan kewangan yang tidak stabil itu diatasi segera.+

Katanya, oleh kerana EC adalah rakan niaga Malaysia ketiga besarnya di dunia, krisis itu sudah tentu akan menjejaskan Malaysia sekiranya ia terus dalam keadaan tidak menentu.

Beliau berharap keadaan itu dapat distabilkan secepat mungkin.

Reynolds menafikan bahawa negara-negara anggota EC telah menggantung Mekanisme Kadar Pertukaran Eropah (ERM), yang didakwa oleh beberapa kalangan kewangan sebagai punca terbesar krisis itu.

Katanya; +Kami tidak pernah menggantung ERM atau membincangkan tentang kemungkinan itu atau pun cuba mengadakan perbincangan serupa itu+. -- Bernama.